

11/12/2001

PM ajak umat Islam kongsi penderitaan

Hassan Omar

CHANGLUN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru lebih ramai umat Islam bersikap rela berkongsi penderitaan dengan umat Islam yang kurang bernasib baik bagi memperkukuh persaudaraan sesama Islam.

Perdana Menteri berkata, sikap berkenaan bukan setakat mampu membantu umat Islam yang dilanda kesusahan, malah menjamin rakyat di negara ini mampu menempuh cabaran dan serangan sama ada dari dalam atau luar negara.

Dr Mahathir berkata, dengan mempunyai sikap ingin berkongsi penderitaan dengan umat Islam yang lain, tuntutan Islam supaya umatnya tidak membiarkan orang lain menderita, mampu dipraktikkan bagi memastikan perpaduan umat Islam sentiasa kukuh.

Perdana Menteri yang mengambil contoh pemergian sukarelawan Pergerakan Pemuda Umno ke Pakistan bagi membantu pelarian Afghanistan, berkata walaupun menyedari tugas berkenaan sukar, terutama ketika musim sejuk di negara itu, sukarelawan terbabit tetap komited untuk membantu sesama umat Islam.

"Ramai rakyat Malaysia menderma untuk pelarian Afghanistan. Ini baik untuk menjadikan kita benar-benar bersaudara.

"Kita akan merasakan persaudaraan sesama kita apabila ada orang lain membantu kita apabila menghadapi banyak tekanan.

"Semalam saya menghantar sukarelawan Pemuda Umno ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Mereka terdiri daripada doktor, pembantu doktor dan sukarelawan yang sanggup pergi ke Pakistan untuk membantu merawat pelarian Afghanistan.

"Walaupun susah, mereka sanggup ke sana," katanya ketika berucap sejurus sebelum berbuka puasa dengan masyarakat di sini, di Masjid Lembah Palas, dekat sini, lewat petang ini.

Dr Mahathir turut menyampaikan sumbangan wang kepada anak yatim dan fakir miskin di sekitar kampung berkenaan. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Alor Star, jam 3 petang ini. Beliau dan isteri turut meluangkan waktu membeli-belah di Kompleks Pekan Rabu, Alor Star.

Sebelum menghadiri majlis berbuka puasa itu, Dr Mahathir dan isteri sempat meninjau projek pembinaan Taman Tema Air yang diusahakan Darul Aman Realty Sdn Bhd di Bandar Darul Aman, dekat Jitra.

Kawasan seluas 129.6 hektar itu dimajukan sebagai kawasan rekreasi. Fasa pertama membabitkan pembinaan tasik buatan manusia, trek jogging, siar kaki dan landskap yang menarik.

Dr Mahathir berkata, ketika umat Islam memperkukuh persaudaraan sesama umat Islam, mereka juga harus menjalin hubungan baik dengan masyarakat bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan mereka.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengulangi seruannya supaya rakyat pelbagai bangsa mengekalkan perpaduan demi kekuatan negara untuk menempuh cabaran pada masa depan.

"Kita harus bersatu-padu supaya tidak ada musuh melanggar atau menyerang kita kerana mereka tahu, rakyat Malaysia tahu menjaga kepentingan dan pertahanan kita," katanya.

Selain itu, kata Dr Mahathir, segala usaha memperkukuh persaudaraan sesama Islam atau perpaduan sesama rakyat di negara ini tidak harus ditolak kerana ia akan hanya membawa kemusnahan kepada negara.

(END)

